

TRANSFORMASI DIGITAL DALAM AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID AL-AZHAR, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

**Che Wan Shamsul Bahri CW Ahmad¹, Khirulnizam Abd Rahman¹,
Saifulah Samsudin², Mohd Nor Hafiz Mohd Unus², Anssar Nasrun² dan
Nur Muizz Mohammed Salleh¹**

¹Faculty of Information Science and Technology, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Che Wan Shamsul Bahri CW Ahmad, faculty of Information Science and Technology, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: cwshamsul@kuis.edu.my.

Abstrak

Kertas ini membincangkan berkenaan penggunaan media sosial dalam menjalankan aktiviti pengimaran Masjid Al-Azhar (MAA), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam keadaan pandemik Covid-19. Penggunaan peralatan teknologi adalah penting untuk memastikan aktiviti-aktiviti dan program-program tetap berjalan walaupun dalam keadaan yang kritikal terutamanya semasa dalam PKP 1.0, PKP 2.0 dan PKP 3.0 serta sepanjang tempoh pemulihan negara. Pelbagai program telah dilaksanakan secara segera dalam talian (on-line) dan juga siaran tertunda seperti Kuliah Subuh, Kuliah Dhuha, Kuliah Zohor, Kuliah Maghrib, Kuliah Jumaat, Kuliah Muslimat, Usrah Kakitangan dan sebagainya dengan penggunaan medium utama iaitu FB live, *WhatsApp*, telegram dan instagram. Didapati program yang dilaksanakan mendapat respons yang baik dalam kalangan warga KUIS dan warga maya berdasarkan analisis melalui bilangan tontonan dan penyertaan pada ruangan interaksi melalui ruangan *likes*, *comment* dan *share* pada Facebook.

Kata kunci : *transformasi digital, media sosial, masjid, pandemik, covid*

(DIGITAL TRANSFORMATION IN AL-AZHAR MOSQUE ACTIVITIES, INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE of SELANGOR (KUIS))

Abstract

This paper discussed the use of social media in conducting various activities of Al-Azhar Mosque (MAA), International Islamic University College of Selangor (KUIS) in the face of the Covid-19 pandemic. The use of technological equipment is important to ensure that activities and programs continue to run even in critical situations, especially during MCO 1.0, MCO 2.0 and MCO 3.0 as well as during the national recovery period. Various programs have been implemented immediately online and also delayed broadcasts program such as Subuh Lecture, Dhuha Lecture, Zohor Lecture, Maghrib Lecture, Friday Lecture, Muslimat Lecture, Staff study circle and etc. with the use of the main medium such as FB live, WhatsApp, Telegram and Instagram. It was found that the program implemented received a good response among KUIS residents and netizen based on the analysis through the number of views and participation in the interaction space through the likes, comment and share space on Facebook.

Keywords: *digital transformation, social media, mosque, pandemic, covid*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 23, 2021

Online Published: December 31, 2021

1. Pendahuluan

Dari sudut bahasa perkataan Masjid (مسجد) adalah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud tempat sujud. Masjid merupakan tempat beribadat yang khusus bagi orang Islam, seperti solat dan iktikaf. Selain daripada untuk melaksanakan ibadah khusus, masjid juga merupakan pusat kebudayaan, muamalat dan perkembangan dakwah Islamiah serta pusat aktiviti umat Islam. Masjid tidak mempunyai rupa bentuk yang khusus, tetapi bergantung kepada budaya masyarakat Islam setempat (Bani Hidayat et al. 2012)

Sejak zaman permulaan Islam, kemajuan umat dan gerakan Islam semuanya bermula dari masjid. Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang dan merancang strategi yang tidak terhad kepada bidang dakwah malah perdagangan, perundangan, dan penyebaran ilmu, serta pelbagai lagi. Peranan masjid lebih luas dengan pelbagai aktiviti penduduk setempat.

1.1 Transformasi digital


Transformasi digital adalah perubahan yang berkaitan dengan aplikasi teknologi digital dan integrasi ke dalam semua aspek kehidupan manusia dan masyarakat (Putri et al., 2021). Istilah transformasi digital banyak digunakan pada tahun 1990-an (Siti Masayu & Fatimah, 2020). Menurut Kristophorus Hadiono. et al. (2021), pendorong utama transformasi digital pada masa kini adalah pandemik Covid-19. Ini kerana untuk memutus rantaian Covid-19, semua orang tidak dibenarkan bertemu secara bersemuka malahan digalakkan secara maya. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menghadkan pergerakan dan menghalang program-program diadakan secara bersemuka sebaliknya banyak program diadakan secara dalam talian seperti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan Bekerja Daripada Rumah (BDR).

Menurut Osmundsen et al. (2018) dalam Hadiono & Noor Santi (2020), terdapat beberapa faktor yang menjadi pemangkin kepada transformasi digital yang telah dikenalpasti iaitu :

- a. perubahan undang-undang.
- b. perubahan lanskap perniagaan.
- c. persaingan/perubahan ke bentuk digital dari industri.
- d. perubahan perilaku dan harapan konsumen.

Begitu juga dengan aktiviti MAA yang turut terkesan apabila berlaku pandemik Covid-15 dan juga punca tercetusnya transformasi digital. Kaedah pelaksanaan kuliah dan program-program masjid turut berubah, daripada kaedah bersemuka kepada dalam talian sepenuhnya. Begitu juga dengan mesyuarat Jawatankuasa Masjid turut diadakan secara dalam talian. Kemajuan teknologi digital dimanfaatkan sepenuhnya sebagai medium dan platform untuk memastikan kuliah dan program-program masjid dapat dijalankan walaupun dalam keadaan pandemik.

Penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, *WhatsApp*, Telegram dan sebagainya didapati merupakan kaedah yang berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak masjid. Rajah 1 di bawah menunjukkan penggunaan media sosial berdasarkan platform yang berbeza-beza. Didapati Facebook, Youtube dan *WhatsApp* menduduki tangga tiga *ranking* paling tinggi berbanding platform-platform yang lain.



Rajah 1: Rangkaian media sosial paling popular di seluruh dunia pada Januari 2021, berdasarkan jumlah pengguna aktif (dalam juta)

Sumber : <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>

Menurut Kristophorus Hadiono. et al. (2021) Malaysia menduduki tangga ke-2 dalam kalangan negara Asia Tenggara selepas Singapura dalam kompetitif digital berdasarkan laporan IMD World Digital Competitiveness (WDC), 2020. Oleh itu, penggunaan media sosial di Malaysia sepatutnya mengambil peluang ini untuk memanfaatkannya dengan sebaik mungkin.

2. Latar belakang kajian

Antara cabaran utama pihak masjid adalah untuk mempromosikan setiap program masjid dan memasjidkan masyarakat dan komuniti setempat. Kehadiran jemaah yang menyertai aktiviti dan program masjid masih rendah iaitu sekitar 5 hingga 10 peratus sahaja (Ashaari & Mokhtar, 2018). Dalam konteks MAA KUIS, kehadiran pelajar ke masjid amat menyedihkan, iaitu tidak sampai 5% daripada keseluruhan populasi pelajar KUIS.

Dalam usaha memperkasakan fungsi masjid, sokongan teknologi digital perlu digunakan secara optimum untuk meningkatkan penyebaran maklumat aktiviti dan peranan masjid kepada ahli kariah (Nor Azlina et al., 2017). Faktor-faktor yang mendorong ahli qariah masjid mengakses sistem atau laman sesawang masjid adalah untuk mengetahui aktiviti keagamaan yang dijalankan, kelas agama, dan mengajukan pertanyaan berkaitan Islam (Bushral Huda & Muhamad Faisal, 2014) dan (Mustari & Jasmi, 2008).

Untuk mengkaji penggunaan teknologi digital dalam aktiviti MAA, beberapa objektif telah dikenalpasti seperti berikut:

- a. Mengkaji penggunaan teknologi digital dalam aktiviti MAA.
- b. Melihat sejauh mana sambutan warganet dengan aktiviti pengimarah masjid terutamanya dalam keadaan pandemik Covid-19.
- c. Mencadangkan penambahbaikan pada masa akan datang.

3. Program dan aktiviti masjid

Peranan masjid perlu diperluaskan supaya tidak terhad hanya untuk solat sahaja (Ab. Halim Tamuri, 2021). Masjid hari ini perlu berfungsi sebagaimana masjid pada zaman Rasulullah saw. Antara peranan utama masjid adalah sebagai tempat untuk ibadah khusus seperti solat, berzikir, baca Quran dan beriktikaf. Masjid juga boleh dijadikan pusat sumber bagi mendapatkan ilmu agama (Mahmud & Ibrahim, 2014). Namun, menurut Zainuddin Jaafar (2001), masjid di Malaysia lebih khusus dan eksklusif untuk solat dan iktikaf, urusan yang berkaitan kemasyarakatan tidak lagi dibuat di masjid kecuali nikah kahwin, kematian dan seumpamanya. Menurut Jamsari et al. (2010), masjid sepatutnya berperanan sebagai Pusat Ibadah, Pusat Kegiatan Masyarakat dan Agama, Pusat Pembelajaran Islam dan Pusat Pengajian Hadis.

Masjid juga perlu menjalankan aktiviti-aktiviti yang mampu menarik pelbagai golongan masyarakat. Menurut Mohamed Ali Atan (2005) dalam Jamsari et al. (2010),

terdapat tiga strategi masjid-masjid di Singapura iaitu menjadikan masjid mesra belia, masjid mesra keluarga dan masjid mesra masyarakat. Antara kajian terhadap masjid mesra remaja adalah oleh Yussoff & Syarul Azman (2020), mendapati bahawa Masjid Hasanah, Bandar Baru Bangi adalah model masjid mesra remaja. Manakala kajian program masjid untuk golongan dewasa pula oleh Safinah et al. (2015) yang mengkaji peranan MAA KUIS dalam menganjurkan pelbagai program untuk pelajar KUIS dan juga masyarakat setempat dalam kalangan orang-orang dewasa.

4. Transformasi Digital MAA

MAA memanfaatkan teknologi digital dalam pengoperasian MAA terutamanya di musim pandemik Covid-19. Antaranya aktiviti yang dijalankan dalam talian adalah seperti mesyuarat Ahli Jawatankuasa masjid secara dalam talian, kuliah dalam talian, promosi dan komunikasi tidak formal menggunakan media sosial seperti WhatsApp, Telegram, Instagram dan Facebook.

5. Penggunaan pelbagai saluran media sosial

Semasa pandemik, kebanyakan masjid menggunakan media sosial untuk mempromosikan program masjid dan kebanyakannya mengadakan kelas pengajian secara dalam talian (Khairul Anuar Mohamad, 2021). Kajian Muhammad Abid Akmal & Norsaleha (2021) menunjukkan terdapat masjid yang menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk mempromosi program-program masjid. Terdapat masjid yang menggunakan Facebook. MAA mempunyai Facebook rasmi untuk mempromosi aktiviti dan program-program masjid.


Sebelum sesuatu program diadakan, biasanya hebahan di lakukan 2-3 hari sebelum sesuatu program dijalankan. Namun begitu, jadual kuliah bulanan program MAA untuk sebulan sebagaimana Rajah 2 di bawah biasanya dikongsikan lebih awal di platform media sosial MAA seperti Facebook, *WhatsApp*, Telegram, Instagram dan laman web masjid. Ini untuk memudahkan warga maya, ahli kariah dan warga kampus serta masyarakat sekitar mengikuti dan mengambil bahagian dalam aktiviti dan program-program yang dianjurkan oleh MAA.



• JADUAL KULIAH BULAN RAMADAN 1442H/2021 •



MASJID AL-AZHAR KUIS

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
	<p>01 RAMADAN 13 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Prof. Madas, Dr. Mohamad Bazar</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Dr. Saifulah Samudran</p>	<p>02 RAMADAN 14 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Syarif Azman Shahrudin</p>	<p>03 RAMADAN 15 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR En. Che Wei Sheng/Berni Che Wei Ahmad</p>	<p>04 RAMADAN 16 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH JUMAAT Dr. Khatirul Akmar Ab Lanf</p>	<p>05 RAMADAN 17 APRIL 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Prof. Masya, Dr. Mohammad Syarif, Abd Rahman</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Ustaz Nuzli Dinar Mahkota</p>	<p>06 RAMADAN 18 APRIL 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Ahmad Shafiq Mat Razali</p> <p>KULIAH DHUHA Dr. Khairul Anwar Abu Osman</p>
<p>07 RAMADAN 19 APRIL 2021</p> <p>KULIAH ZOHOR Ustazah Sahawati Abu Bakar</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Ustaz Zulfariz M. Razali</p>	<p>08 RAMADAN 20 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Md Noor Husain</p>	<p>09 RAMADAN 21 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Mohd Asli Isahak</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Ustaz PU Salehan Maslori</p>	<p>10 RAMADAN 22 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Mohd Khafidz Saeni</p>	<p>11 RAMADAN 23 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH JUMAAT Ustaz Maed Ahmad</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Prof. Dato Dr. Ab. Halim Tampan</p>	<p>12 RAMADAN 24 APRIL 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Ahmad Atiqah Saibraz</p>	<p>13 RAMADAN 25 APRIL 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Muhammad Fariz A. Azli</p> <p>KULIAH DHUHA Dr. Dato Dr. Arbab Sipi</p>
<p>14 RAMADAN 26 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Muhammad Subari Ramli</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Dato Dr. Hj. Zahazan Md Ghemad</p>	<p>15 RAMADAN 27 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Wan Haslan Khamrudin</p>	<p>16 RAMADAN 28 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Abdul Hakim Baharudin</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Prof. Ibrahim, Dr. Muzir, Farid Bani Abdullah</p>	<p>17 RAMADAN 29 APRIL 2021</p> <p>KULIAH ZOHOR Ustaz Mohd Faruqul Khaider Saadan</p> <p>NUZUL AL-QURAN</p>	<p>18 RAMADAN 30 APRIL 2021</p> <p>TAKZIRAH JUMAAT Ustaz Mohd Rayyid Ali</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Ustaz PU Azman Ismail</p>	<p>19 RAMADAN 1 MEI 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Rosnawati Saikin Ni Ab Hadi</p>	<p>20 RAMADAN 2 MEI 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Baharudin Luthi Abul Hadi</p> <p>KULIAH DHUHA Prof. Masya, Dr. Mohd Sukki عثمان</p>
<p>21 RAMADAN 3 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Ahmad Ridwan Mohamed Hakeem</p>	<p>22 RAMADAN 4 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Don Danyal Don Isyail</p>	<p>23 RAMADAN 5 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Zamrudin Che Seman</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Prof. Masya, Dato Dr. Mohd Khairul Kull Mohd Yusoff</p>	<p>24 RAMADAN 6 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Mohd Rafiqzal Rahman</p>	<p>25 RAMADAN 7 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH JUMAAT Dr. Mohamed Rohan Ismail</p>	<p>26 RAMADAN 8 MEI 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Dr. Syarif Arman Saibraz Idris</p> <p>TAKZIRAH TARAWIH Ustaz Meerah Anwar</p>	<p>27 RAMADAN 9 MEI 2021</p> <p>KULIAH SUBUH Ustaz Mohd Rayyid Ali</p> <p>KULIAH DHUHA Ustaz Elyas Ismail</p>
<p>28 RAMADAN 10 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Dr. Abu Zaki Ismail</p>	<p>29 RAMADAN 11 MEI 2021</p> <p>TAKZIRAH ZOHOR Ustaz Muhammad Fair Muzan Rizal Muzali</p>	<p>30 RAMADAN 12 MEI 2021</p>	<p>01 SYAWAL</p>  <p>SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI</p>			




Maklumat Lanjut Hubungi: 03-8911 7000 (ext 3512) | masjid.kuis.edu.my | FB: fb.com/masjidkuis

Rajah 2: Jadual aktiviti sepanjang Ramadhan MAA KUIS April – Mei 2021

5.1 Penggunaan Facebook

Rajah 3 di bawah menunjukkan kadar tontonan laman FB live MAA KUIS daripada 26 Mac hingga 16 April 2021 untuk tempoh 20 hari. Tiga tontonan paling tinggi untuk tempoh tersebut adalah seperti berikut:

- Kuliah Maghrib pada 4 April (1800 tontonan)
- Quran Interaktif pada 16 April (1300 tontonan)
- Kuliah Maghrib pada 28 Mac (1200 tontonan)




Rajah 3: Kadar tontonan laman FB MAA KUIS daripada 26 Mac - 16 April 2021 (Data diambil pada 17 April 2021)

Manakala kadar tontonan **tiga paling rendah** pula adalah seperti berikut:

- Kuliah Zohor pada 12 April (127 tontonan)
- Tazkirah Jumaat pada 16 April (175 tontonan)
- Kuliah Subuh pada 9 April (184 tontonan)

Rajah 4 di bawah menunjukkan kadar tontonan tertinggi FB live MAA KUIS daripada April hingga September 2020.



Rajah 4: Kadar tontonan (view) tertinggi di laman FB MAA KUIS April – September 2020 (Data diambil pada 9 Nov 2020)


Kebanyakan program yang mempunyai *ranking* tontonan yang tinggi adalah disebabkan oleh penceramah jemputan yang terkenal atau selebriti. Namun begitu, ada juga *ranking* yang tinggi disebabkan oleh program wajib usrah. Pelajar-pelajar yang terlibat dengan usrah, wajib mengikuti kuliah tersebut dan dikira gagal jika tidak mengikutinya kerana kehadirannya adalah wajib. Namun begitu, ada juga tontonan yang tinggi dalam kalangan pensyarah dalaman KUIS dan tidak juga melibatkan kehadiran usrah yang wajib.

Jadual 1 di bawah pula adalah statistik lengkap berdasarkan program. Di sini kita dapati bahawa program Kuliah Dhuha Muslimat mencatatkan tontonan yang paling tinggi iaitu sehingga 56 ribu tontonan.

Jadual 1: Kadar tontonan tertinggi di laman FB MAA KUIS April – September 2020 (Data diambil pada 9 Nov 2020)

Tarikh	Tontonan	Program
26/4/2020	1,300	Kuliah Dhuha
28/4/2020	7,800	Kuliah Zohor
10/5/2020	56,000	Kuliah Dhuha (Muslimat) – Jemputan
11/5/2020	1,700	Kuliah Zohor (Muslimat)
8/6/2020	1,800	Kuliah Zohor (Muslimat)
28/6/2020	1,100	Kuliah Zohor
23/7/2020	10,000	Kuliah Maghrib
10/8/2020	1,100	Kuliah Zohor (Muslimat)
13/8/2020	12,400	Ceramah Bandar Ilmu
16/8/2020	1,400	Kuliah Subuh
16/8/2020	8,400	Kuliah Dhuha (Usrah Perdana)
2/9/2020	1,400	Kuliah Subuh
5/9/2020	1,400	Kuliah Dhuha
6/9/2020	7,600	Kuliah Dhuha
15/9/2020	1,500	Seminar IMAM

Rajah 5 di bawah pula menunjukkan kadar tontonan beberapa kuliah di page Facebook MAA sepanjang bulan Ogos 2021. Tontonan paling tinggi adalah pada program kuliah Dhuha berbanding dengan kuliah-kuliah yang lain. Kuliah Dhuha adalah program wajib Usrah yang mana disampaikan oleh YBhg. SS. Dato Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Dato' Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.



Rajah 5: Kadar Tontonan Mengikut Program Di FB Live MAA Bulan Ogos 2021

5.2 Penggunaan WhatsApp

Di samping penggunaan Facebook sebagai medium utama dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat, terdapat juga penggunaan *WhatsApp* dan Telegram yang memberi publisiti untuk program yang akan dianjurkan oleh pihak MAA. Rajah 6 di bawah menunjukkan tangkap layar (printscreen) dalam group *WhatsApp* AJK MAA sebagai contoh pemberitahuan dan hebahan kepada masyarakat tentang program Kuliah Zohor yang akan diadakan pada 28 September 2021 oleh Ustaz Abdul Hakim Baharudin, salah seorang pensyarah Jabatan Syariah, KUIS.



Rajah 6: Contoh hebahan aktiviti masjid melalui group Aplikasi *WhatsApp*

5.3 Penggunaan Telegram

Di samping penggunaan Facebook dan *WhatsApp*, Telegram juga digunakan untuk tujuan publisiti dan hebahan program yang akan dianjurkan oleh pihak MAA. Rajah 7 di bawah menunjukkan tangkap layar (screenshot) dalam group Telegram *Al-Azhar KUIS Unity* sebagai contoh pemberitahuan dan hebahan kepada masyarakat tentang program Kuliah Maghrib yang akan diadakan pada 1 Julai 2021 oleh Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Pemangku Rektor dan Timb. Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), KUIS.



Rajah 7 : Contoh hebahan aktiviti masjid melalui group Aplikasi Telegram

5.4 Penggunaan Instagram

Didapati *Instagram* MAA tidak digunakan sepenuhnya dalam kerja-kerja hebahan dan publisiti program-program MAA berbanding platform media sosial yang lain. Penggunaan Instagram dilihat bermusim seperti pada program-program sepanjang Ramadhan dan sebagainya. Contoh hebahan melalui Instagram adalah sebagaimana pada Rajah 8 di bawah.




Rajah 8: Contoh hebahan aktiviti masjid melalui group aplikasi Instagram

6. Dapatan Kajian


Setelah penelitian dilakukan terhadap beberapa platform media sosial yang digunakan oleh pihak MAA, penelitian seterusnya adalah berkaitan bilangan *follower* dan *like* pada *page* Facebook MAA dan perbandingan dengan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) lain di KUIS. Platform FB dipilih dalam penelitian ini kerana data dan maklumat yang dibekalkan oleh FB sudah mencukupi untuk melihat sama ada terdapat peningkatan atau pengurangan dalam jumlah *follower* dan *like* bagi setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak MAA.

Rajah 9 di bawah menunjukkan perbandingan bilangan *follower* FB MAA berdasarkan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di KUIS. FB MAA menduduki tangga kedua jumlah bilangan *follower* terbanyak selepas FB KUIS dan diikuti dengan FB Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM).



Rajah 9 : Bilangan *follower* FB MAA mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) sehingga 30 Ogos 2021


Rajah 10 di bawah pula menunjukkan peningkatan jumlah *follower* FB MAA daripada bulan Januari 2021 hingga Ogos 2021. Jelas di sini bahawa semasa pandemik terdapat peningkatan pengguna FB yang mengikuti program-program yang dianjurkan oleh MAA.



Rajah 10: Jumlah follower FB MAA mengikut bulan Jan – Ogos 2021

Terdapat peningkatan jumlah *follower* sebanyak 758 orang pada bulan Ogos 2021 jika dibandingkan dengan bilangan *follower* pada bulan Januari 2021, iaitu peningkatan sebanyak 4.85% untuk tempoh lapan bulan. Pihak MAA boleh mempergiatkan lagi promosi untuk meningkatkan jumlah *follower* dalam kalangan pelajar-pelajar baru yang mendaftar masuk ke KUIS dengan bantuan pelajar-pelajar senior daripada Kelab Al-Azhar Member (ALAM).

Rajah 11 di bawah pula menunjukkan peningkatan jumlah *likes* FB MAA daripada bulan Januari 2021 hingga Ogos 2021.



Rajah 11: Jumlah likes FB MAA daripada bulan Jan – Ogos 2021

Terdapat peningkatan jumlah *like* sebanyak 430 *like* pada bulan Ogos 2021 jika dibandingkan dengan bilangan *like* pada bulan Januari 2021, iaitu peningkatan sebanyak 3.42% untuk tempoh lapan bulan. Pihak MAA boleh mempergiatkan dengan mengadakan pelbagai bentuk aktiviti yang dekat dengan pelbagai kategori *follower*, sama ada orang muda dan orang tua serta warga emas.

7. Cadangan

Setelah diteliti beberapa platform media sosial yang digunakan oleh pihak MAA, didapati Facebook adalah merupakan platform utama dalam mempromosi dan menghebahkan program dan aktiviti MAA, diikuti dengan platform media sosial yang lain. MAA menggunakan perisian *StreamYard* untuk *multistream* ke saluran FB MAA, FB KUIS dan FB Kelab Al-Azhar Member (ALAM). *StreamYard* boleh digunakan untuk *multistream* bukan sahaja ke FB bahkan ke semua saluran secara serentak seperti ke Facebook, YouTube, LinkedIn, Twitter, Twitch dan output lain yang sesuai. Penggunaan YouTube MAA boleh diaktifkan untuk menyiarkan aktiviti/program secara langsung dengan menggunakan *StreamYard*. Ini kerana penggunaan YouTube MAA masih rendah.

Dicadangkan juga hebahan dan iklan dalam bentuk video pendek mengenai sesuatu ceramah juga boleh dibuat lebih awal untuk menarik *audiens* atau *follower* untuk mengikut program sepenuhnya pada masa program tersebut berlangsung. Platform yang mempunyai prospek dan berpontesi tinggi untuk digunakan lebih meluas dan kerap juga adalah Instagram. Generasi muda lebih berminat menggunakan platform Instagram berbanding Facebook yang lebih banyak digunakan oleh generasi 40-an ke atas.

Pihak MMA juga boleh memuat naik hasil suntingan video-video pendek yang mengikut tema seperti ‘jom bersedekah’, ‘jom solat berjemaah’ dan lain-lain lagi agar menarik minat *follower* untuk menonton video tersebut. Video pendek hasil suntingan tetapi sarat dengan mesej adalah lebih baik dan lebih sesuai untuk *follower* melihatnya secara santai dan ditularkan juga melalui platform lain seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *Instagram* dan lain-lain lagi yang sesuai.

8. Penutup

Justeru itu, kami mendapati bahawa dengan penggunaan pelbagai saluran media sosial secara optimum dan menggunakan strategi hebahan yang betul dan berkesan serta pelaksanaan cadangan-cadangan di atas, kadar penglibatan dan penyertaan dalam aktiviti dan program MAA akan dapat ditingkatkan lagi. Dengan transformasi digital dalam program-program pengimarah masjid, MAA terus dapat menjalankan peranannya walaupun dalam keadaan pandemik.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(1), 1–12.
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari*, 10(2), 205–224.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, A. H. T. & A. T. T. (2012). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 127–137.
- Bushral Huda Abd Manan, & Muhamad Faisal Ashaari. (2014). Konsep Nilai Guna dalam Penilaian E-Masjid : Tinjauan Awal. *Jurnal Islamiyyat*, 36(2), 15–26.
- Hadiono, K., & Noor Santi, R. C. (2020). Menyongsong Transformasi Digital. *Proceeding Sendiu*, hlm. 978-979.
https://www.researchgate.net/publication/343135526_MENYONGSONG_TRANSFORMASI_DIGITAL
- Jamsari, E. A., Tumiran, S. N., Bakar, K. A., & Arifin, Z. (2010). Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31–44.
- Khairul Anuar Mohamad. (2021, September 21). Pandemik ubah cara imarah masjid. *Utusan Malaysia*, September, 2021.
- Kristophorus Hadiono., Murti, H., & Santi, R. C. N. (2021). Transformasi digital di masa pandemi Covid-19. *Proceeding SENDIU 2021*.
- Mahmud, S., & Ibrahim, I. A. (2014). Pelaksanaan program takmir sebagai medium pengimarahkan Masjid di Negeri Sembilan. *Al-Hikmah*, 6(2), 53–64.
- Mohamed Ali Atan. (2005). Pengurusan Masjid: Pengalaman Republik Singapura. *Kertas Kerja Konvensyen Masjid 2005, Singapura*, 2-3 Ogos.
- Muhammad Abid Akmal, I., & Norsaleha, M. S. (2021). Peranan Masjid Mendepani Pandemi Covid-19 : Kajian di Masjid Temin, Jerantut Pahang. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(1), 40–48.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. *Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nor Azlina, A. W., Norafifah, A. H., & Norajila, C. M. (2017). Pemerksaan peranan masjid

di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal*, 5(2).

Osmundsen, K., Iden, J., & Bygstad, B. (2018). Digital Transformation: Drivers, Success Factors, and Implications. *MCIS*, 37.

Putri, N. I., Herdiana, Y., Munawar, Z., & Komalasari, R. (2021). Teknologi Pendidikan dan Transformasi Digital di Masa. *Jurnal ICT: Information Communication & Technology*, 20(7), 53–57. <https://ejournal.ikmi.ac.id/index.php/jict-ikmi/article/view/306/pdf>

Safinah. Ismail, Yusoff, M. F., Majid, M. A., Ahmad, S., & Bakar, S. A. (2015). PENDIDIKAN DEWASA : KAJIAN DI MASJID AL AZHAR KUIS. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2015)*, 1–11.

Siti Masayu Rosliah, A. R., & Fatimah, H. (2020). Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. *Geografi*, 8(2), 1–20.

Yusoff, M. I. M., & Syarul Azman Shaharuddin. (2020). Kajian Terhadap Aktiviti-Aktiviti Di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Ke Arah “Masjid Mesra Remaja.” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 161–175.

Zainuddin Jaafar. (2001). Ke Arah Menjadikan Institusi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti Islam Selangor. *Jurnal YADIM*, 2, 113.

<https://www.instagram.com/masjidalazhar.kuis/>

<https://www.facebook.com/masjidkuis>